

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 3

## Rafizi perinci strategi tingkat ekonomi rakyat, negara

### Rafizi perinci strategi tingkat ekonomi rakyat, negara

**KUALA LUMPUR** - Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli menyenaraikan beberapa strategi ekonomi yang akan dilaksanakan selepas 100 hari pentadbiran Kerajaan Perpaduan.

Menurutnya, antara langkah yang akan dilakukan ialah memberi tumpuan kepada usaha mencari jalan untuk mengimbangi keperluan menaikkan gaji tanpa memberi kesan terhadap ekonomi.

Justeru, Kementerian akan meneliti dan mengkaji terlebih dahulu inisiatif berkenaan supaya ia seimbang dengan pelaksanaan dan dasar ekonomi negara sekali gus dapat mengelakkan industri atau syarikat terjejas susulan pelaksanaan kenaikan gaji baharu.

"Perkara utama yang perlu kita beri perhatian dan menjadi tanggungjawab Kementerian Ekonomi dan kerajaan adalah mencari jalan untuk mengimbangi keperluan menaikkan gaji tanpa merosakkan ekonomi.

"Ini kerana apabila menaikkan gaji, orang bawah akan tanya (minta) lagi dan jika tidak diimbangi, maka kenaikan gaji tersebut akan memusnahkan industri.

"Kenaikan gaji juga jika tidak diimbangi akan menaikkan harga barang. Jadi, perkara ini perlu dipadankan dengan perancang-

an dan diharmonikan supaya kita yakin, dasar dan perancangan lima hingga 10 tahun ini membuahkan hasil," katanya ketika sidang akhbar Majlis Pelancaran Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) di sini pada Ahad.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai perancangan ekonomi negara selepas 100 hari Kerajaan Perpaduan.

Tambah Rafizi, kementeriannya juga bertanggungjawab untuk mengimbangi perancangan dasar jangka masa panjang yang dilaksanakan agensi-agensi di bawah kendaliannya.

"Kalau lihat sebahagian tugas utama Kementerian Ekonomi adalah melibatkan dasar struktur ekonomi negara, di mana dasar ekonomi merentasi pelbagai kementerian.

"Sebab itu fokus kita, contohnya adalah untuk menyelaraskan dasar-dasar sedia ada melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara.

"Contoh lain, subsidi bersasar juga salah satu tugas Kementerian Ekonomi untuk kita memastikan apabila melaksanakan usaha itu, infrastruktur perlu ada supaya tidak ada yang ketinggalan dan betul-betul bersasar," ujarnya.

Sehubungan itu jelasnya, apabila kementerian berjaya melaksanakan subsidi bersasar,

ia akan menjimatkan jumlah peruntukan kerajaan sekali gus boleh diagihkan kepada sektor atau kumpulan yang memerlukan.

"Bagaimanapun, saya perlu berhati-hati untuk umum atau lancarkan sesuatu, tak nak jadi seperti pentadbiran dahulu.

"Umum, lancar dan habis peruntukan tetapi tak ada kesan kepada rakyat. Perkara ini tidak diharmonikan dari segi dasar dan pelaksanaannya. Sebab itu kerajaan silih berganti tetapi masalah tidak selesai," kata beliau.

#### Strategi kerajaan selepas 100 hari

1. Mengimbangi keperluan kenaikan gaji tanpa memberi kesan kepada ekonomi.
2. Mengimbangi perancangan dasar jangka masa panjang yang dilaksanakan agensi-agensi di bawah kementerian.
3. Subsidi bersasar dapat menjimatkan peruntukan kerajaan.
4. Berhati-hati dengan sebarang pengumuman dan pelancaran.
5. Mengharmonikan dasar dan pelaksanaan.